

26/08/1999

Agex 99 pacu agenda industri pertanian

Hatipah Ahmad

INDUSTRI pertanian memerlukan wajah baru menjelang alaf baru. Dalam usaha ke arah itu, Malaysia menganjurkan Persidangan dan Pameran Pertanian Asia 99 (Agex 99), persidangan dan pameran pertanian terbesar di Asia. Ia akan diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur selama lima hari mulai hari ini. Acara yang bertema 'Ke arah Era Baru Pertanian Asia' dan 'Menjadikan Asia sebagai Kuasa Utama Industri Makanan Dunia'. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tujuan utama Agex 99 ialah untuk mendedah, mewujudkan sinergi dan menggalakkan pelaburan serta pemindahan teknologi canggih dan pertukaran maklumat teknikal di kalangan sektor perusahaan pertanian di Asia. Ini diterjemahkan melalui kedua-dua temanya yang mencerminkan usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk mewujudkan era pemodenan industri pertanian dengan menggerakkan wawasan bagi membolehkan industri pertanian berkembang demi menampung keperluan makanan sebahagian besar penduduk dunia.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Prof Mohd Yusof Hussein, berkata industri pertanian di Asia khususnya di Malaysia perlu dibangunkan segera dan pesat bagi menampung keperluan makanan penduduk dunia pada alaf baru. Ini kerana Asia dijangka bakal menjadi pusat bagi pertumbuhan kependudukan dan pusat industri pemakanan dunia menggantikan rantau lain seperti Eropah atau Amerika.

Katanya, laporan terbaru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dikeluarkan di New York baru-baru ini menyatakan bahawa kadar kependudukan dunia dijangka meningkat kira-kira 1.5 atau 2.2 kali ganda iaitu daripada enam bilion sekarang kepada 12 bilion orang menjelang tahun 2040. Berdasarkan unjuran itu, industri pertanian diramal menjadi satu industri terpenting dan sumber paling diperlukan bagi memperoleh bahan makanan. Peningkatan industri itu untuk membolehkan dunia meneruskan pola kelangsungan hidup untuk seluruh umat manusia dan pada masa sama mengekalkan peningkatan kadar kelahiran bayi, yang ketika ini berada pada purata 230,000 bayi sehari.

Laporan itu memetik bahawa pertumbuhan kependudukan di Negara Dunia Ketiga dijangka kekal pada kadar tahunan tiga peratus dan ini menjadikan kependudukan dunia dijangka mencapai enam bilion manusia pada 1999. Kadar ini menyumbang kira-kira 82 peratus daripada kependudukan sejagat pada 1999 berbanding 65 peratus pada 1950.

Katanya, pertubuhan dunia itu turut meramalkan bahawa peranan industri pertanian dijangka menjadi lebih penting lagi apabila banyak pihak mula memperkatakan mengenai keperluan industri ini menyediakan keperluan makanan yang lebih selamat bagi satu tempoh yang panjang dan keperluan untuk memperbaiki sistem pengedaran atau pengagihan makanan sedunia bagi mengekalkan masa depan manusia.

Jika dilihat dari segi sejarah, Asia sudah lama terbabit dalam bidang pertanian dan pemakanan. Sejak tahun 1400-an, Asia sudah mendapat pengiktirafan dunia sebagai pusat rempah ratus terulung seperti di Melaka, Riau, Sumatera, Borneo dan Kepulauan Jawa yang mana hampir seluruh spesies rempah yang ada di dunia dengan kepelbagaian rasanya, datang dari rantau ini.

Bagaimanapun, keadaan ini mula berubah sejak akhir 1970-an dan awal 1990-an yang mana pembangunan sektor perindustrian sedikit sebanyak mengatasi kepentingan industri pertanian. Ia akhirnya mengubah pandangan